

Mahasiswa ikrar sokong Najib

Utusan Online

04 April, 2013

Oleh SOFIAN BAHAROM

KUALA LUMPUR 3 April - Golongan mahasiswa berikrar akan memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Siswa4U, sebuah pertubuhan yang terdiri daripada lebih 500 pemimpin mahasiswa berbilang kaum daripada semua institusi pengajian tinggi (IPT) turut berjanji akan membantu Najib dalam meyakinkan rakyat untuk terus memberikan mandat kepada beliau dan barisan pimpinannya.

Pengerusinya, Mohd. Hafiz Ariffin berkata, pertubuhan tersebut akan menganjurkan pelbagai program dalam usaha mendekati golongan mahasiswa yang merupakan kuasa pemilih utama pada pilihan raya umum kali ini.

"Selepas meneliti pelbagai aspek, Siswa4U berpandangan kami mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap Perdana Menteri dan calon-calon yang bakal diketengahkan oleh Barisan Nasional (BN) dalam PRU-13 ini.

"Siswa4U akan terlibat sepenuhnya sebagai jentera dan jika ada ruangan yang sesuai, kami berharap dapat diberikan peranan yang signifikan dalam membantu kempen pilihan raya kali ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Mohd. Hafiz, agenda transformasi yang dijalankan Najib menunjukkan iltizam pemimpin nombor satu negara itu dalam melaksanakan perubahan menyeluruh terhadap negara, kerajaan dan parti sejak mula mengambil alih tampuk pemerintahan.

Katanya, iltizam politik Perdana Menteri untuk memastikan janji-janji transformasi tersebut melalui Program Transformasi Nasional, Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA), ditunaikan serta sampai kepada rakyat.

"Kebanyakan daripada janji transformasi ini telah terlaksana dan hasilnya dapat dirasai oleh majoriti rakyat," ujarinya.

Menurut beliau, Najib juga konsisten dan ikhlas berusaha memupuk semangat patriotisme, cintakan keamanan dan menghargai keharmonian hubungan antara rakyat berbilang agama dan kaum serta daripada kalangan generasi muda di bawah semangat 1Malaysia.

Tambahnya, Siswa4U turut kagum dengan kesungguhan Perdana Menteri mendekati dan menjiwai denyut nadi anak muda melalui pelbagai pendekatan termasuk melalui media sosial.

Katanya lagi, golongan mahasiswa juga yakin dengan kesungguhan Najib mengurangkan beban generasi muda melalui baucar buku, rebat telefon pintar, penjanaan kerja serta melibatkan golongan itu dalam proses politik melalui pelbagai platform termasuk kegiatan sukarela 1M4U.

"Berdasarkan perbandingan antara pentadbiran Perdana Menteri dan pembangkang ternyata barisan pentadbiran Najib jauh lebih berpengalaman dalam membela rakyat serta membawa pembangunan menyeluruh kepada semua anggota masyarakat.

"Kami yakin barisan Datuk Seri Najib sebagai barisan kepimpinan yang bertanggungjawab dan bersikap objektif dalam membangunkan negara, bukan bersifat populistik," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130404/px_17/Mahasiswa-ikrar-sokong-Najib